



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Berita Harian
Date	9/1/2013

Usah campur urusan agama Islam: Sultan

BH - 9/1/2013

» **Sultan Selangor tegas larang bukan Muslim guna Allah**

Oleh **Mohd Nasaruddin Parzi**
mnasaruddin@bharian.com.my

► **Kuala Lumpur**

Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah membuat ketetapan kalimah Allah yang khusus untuk umat Islam tidak boleh digunakan di negeri itu oleh mana-mana agama bukan Islam.

Pada masa sama baginda yang kesal dengan tindakan Setiausaha Agung DAP, Lim Guan Eng meminta Kerajaan

Persekutuan membenarkan kalimah Allah digunakan dalam semua Bible versi bahasa Melayu, mengingatkan bukan Islam jangan mencampuri urusan agama Islam bagi mengelakkan permusuhan dan salah faham.

Mesyuarat khas

Ketetapan itu diputuskan baginda pada mesyuarat khas yang dihadiri beberapa Ahli Majlis Agama Islam Selangor (MAIS), Mufti Selangor, Datuk Mohd Tamyas Abd Wahab serta pegawai tertinggi MAIS dan Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS), pada Ahad lalu.

Setiausaha MAIS, Datuk Mohd Misri Idris, berkata baginda memanggil mesyuarat itu berikutan isu ditimbulkan Guan Eng berhubung perkara berkenaan baru-baru ini.

"Baginda pernah mengeluarkan titah sama berkaitan penggunaan kalimah Allah

dua tahun lalu apabila isu ini pertama kali dibangkitkan. Namun, Tuanku kesal kerana titah itu dipandang ringan oleh sesetengah pihak sehingga isu yang sama dibangkitkan semula," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Mohd Misri berkata, ketetapan mesyuarat itu selari dengan keputusan fatwa negeri yang sudah diwartakan pada 18 Februari 2010, iaitu selepas merujuk undang-undang sedia ada di Selangor.

Ketetapan sama juga diputuskan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan yang bersidang pada 5 hingga 7 Mei 2008.

Ya memutuskan lafaz Allah adalah kalimah suci khusus bagi agama dan umat Islam dan tidak boleh diguna atau disamakan dengan agama bukan Islam.

Berikutan itu, Mohd Misri berkata, baginda menitahkan

MAIS dan JAIS mengambil tindakan tegas terhadap mana-mana pihak sama ada orang Islam atau bukan Islam yang masih mempersoal atau memperlekehkan fatwa diputuskan di Selangor sebelum ini.

"Tuanku menitahkan mana-mana pihak ditegah dan dilarang sama sekali daripada menggunakan atau memperalat agama Islam sebagai modal politik kerana ia akan mengakibatkan kemusnahan kepada keamanan yang dikecapi rakyat," katanya.

Guan Eng cetus polemik

Polemik penggunaan kalimah Allah muncul semula apabila Guan Eng dalam perutusan Krismas pada 24 Disember lalu menggesa kerajaan membenarkan penggunaan kalimah itu dalam Bible bahasa Melayu memandangkan ia dibenarkan di Sabah dan Sarawak sejak 50 tahun lalu.

Bagaimanapun, menerusi Seksyen 9 (1), Enakmen Agama Bukan Islam (Kawalan Perkembangan Di Kalangan Orang Islam) 1988 yang dikuatkuasakan pada Julai 1988 jelas membuat ketetapan melarang kalimah Allah daripada digunakan orang bukan Islam dalam segala perkara berkaitan agama mereka.